

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN PEMADAM KEBANGSAAN KE-24
DI KL HILTON
11 JULAI 1999

Saya mengucapkan syukur kerana dapat berada bersama- sama tuan-tuan dan puan-puan dalam Majlis Perhimpunan Agung Tahunan Pemadam Kebangsaan ke-24 ini. Tidak syak lagi undangan ini bukanlah semata-mata bertujuan untuk saya menyerikan perasmian majlis perhimpunan ini, tetapi sesungguhnya mengajak saya dan juga para pemimpin dan pentadbir tertinggi negara agar turut sama secara serius dan berterusan dalam agenda besar negara kita, iaitu memerangi angkara dadah.

2. Secara peribadi, ini adalah pertama kalinya saya dapat bersama-sama tuan-tuan / puan-puan dalam pertemuan tahunan yang begitu besar ertinya kepada kita semua.

3. Tahun demi tahun, perhimpunan besar ini telah dilaksanakan untuk menghimpunkan keseluruhan ahli-ahli dan keluarga pemadam, supaya dapat membuktikan bahawa sebagai badan amal dan sukarela, pemadam yang kini sudahpun berusia 23 tahun, mempunyai lapisan pemimpin dan penyokong-penyokong yang kuat dan bersemangat tinggi bagi menerus dan meningkatkan kerja-kerja dan kegiatan membanteras dadah dalam negara.

4. Hal ini dapat saya kesan dari suasana dan nada perhimpunan yang saya saksikan sekarang, dan pada hemat saya inilah landasan perpaduan yang kita sentiasa harapkan untuk menjayakan sesuatu organisasi.

5. Pada perhimpunan pagi ini, saya sesungguhnya berasa amat bangga kerana dapat mendampingi, serta berkenalan dengan tuan-tuan / puan-puan yang telah menggerakkan pemadam sebagai badan anti dadah masyarakat di peringkat kebangsaan, negeri dan juga daerah-daerah.

6. Pihak kerajaan sentiasa dan akan terus menyokong dan memantau aktiviti badan-badan sukarela dan bukan kerajaan iaitu NGO khususnya yang aktif di dalam bidang anti dadah. Kerajaan yakin NGO seperti pemadam adalah rakan kongsi yang penting di dalam usaha negara memerangi wabak ini. Walau apapun pendapat, idea atau falsafah barat dan Eropah yang dikira "enlightened" "advanced" atau "humanitarian", negara kita dan masyarakat kita tetap berdiri teguh di atas prinsip dadah itu najis, dadah itu pemusnah dan dadah itu harus diperangi habis-habisan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Sebagai satu rancangan yang nyata dan berintegrasi, negara kita telah melancarkan rancangan pembanterasan dadah sejak 1983 lagi dengan perisytiharan dadah sebagai musuh utama negara.

8. Sepanjang jangka masa yang agak sudah begitu lama juga kita memikirkan pelbagai rancangan dan pelaksanaan program-program pencegahan dadah, pada ketika ini adalah dirasakan tidaklah mudah untuk memberikan tahap dan kadar kejayaan yang telah tercapai. Masalah dadah dan masalah-masalah sosial yang berkaitan dengannya sememangnya mempunyai ciri-ciri kerumitan yang tersendiri.

9. Walau bagaimanapun bolehlah saya tegaskan bahawa selama ini pencapaian kita dari segi penguatkuasaan undang-undang terhadap pengedaran dadah adalah kian meningkat untuk membendung keadaan kehadiran dadah dalam negara.

10. Beberapa undang-undang dadah berbahaya yang ada pada kita sememangnya cukup sebagai asas untuk kita melaksanakan beberapa tindakan, dan jelas boleh menggabungkan kerja-kerja dan rancangan kerjasama dengan kegiatan-kegiatan sukarela dan amal yang boleh disumbangkan oleh badan-badan dan gerakan rakyat dalam hal-hal pencegahan.

11. Pada pandangan saya ketika ini, kita sewajarnya melahirkan perasaan kebimbangan dan kerungsingan kita tentang jumlah warga kita yang terjebak dengan penagihan dadah. Dalam dua tiga tahun kebelakangan ini, jumlah penagih-penagih dadah baru kelihatan semakin meningkat. Malahan peningkatannya begitu memeranjatkan sekali. Pada akhir tahun 1998 yang lalu, jumlah penagih baru yang dapat direkodkan adalah seramai 21,073 orang.

12. Sementara jumlah bilangan penagih baru dan berulang yang dikesan sepanjang tempoh bulan Januari hingga Mac 1999 adalah seramai 4,755 orang penagih baru dan 4,165 penagih berulang. Ini bererti bahawa secara purata seramai 2,973 orang penagih baru dikesan setiap bulan atau 99 orang penagih sehari.

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Sangat wajar sekali kita mengambil ingatan bahawa dengan trend kes-kes penagihan yang meningkat serta meluas pula kejadiannya, sama ada di kawasan bandar atau luar bandar, maka kemungkinan besar pula kawasan-kawasan yang boleh ditakrifkan sebagai kawasan hitam dan kelabu akan bertambah. Bukanlah tujuan kita untuk melahirkan stigma ataupun "tindakan penyisihan" terhadap persekitaran hidup masyarakat yang telah diklasifikasikan sebagai kawasan hitam atau kelabu.

14. Sebaliknya kerana kawasan-kawasan ini pada jangka panjangnya berisiko tinggi dari segi mendatangkan kemudaratan dan kepincangan di kalangan anggota masyarakatnya. Dengan mengklasifikasikan-nya akan mendorong kita untuk mengaturkan rancangan pencegahan secara gerakan tumpuan dan secara intensif serta boleh menggembelingkan tenaga dan usaha rakyat dalam membantu pihak berkuasa membasmi kegiatan dadah.

15. Sehubungan ini, saya amat yakin sekali bahawa ahli-ahli pemadam yang berada di peringkat daerah pada ketika ini akan memahami dan menyedari tentang perubahan yang berlaku di kawasan-kawasan mereka berada terutamanya apabila terdapat peningkatan jumlah penagih.

16. Dengan menyedari dan memahami bahawa angkara dadah ini sebagai penyakit sosial yang berterusan, maka saya percaya tuan-tuan dan puan-puan boleh mengusahakan pelbagai program dan kegiatan pencegahan bagi memberikan sedikit sebanyak penyelesaian terhadap masalah ini.

17. Bencana dadah berkait rapat dengan masalah keluarga. Oleh itu kegiatan pencegahan dadah hendaklah ditumpukan kepada penglibatan keluarga. Ibubapa mempunyai tanggungjawab yang amat besar di dalam membanteras wabak dadah. Ibubapa tidak boleh hanya mengharap orang lain untuk melaksanakan

tanggungjawab mereka. Keupayaan kerajaan, badan-badan sukarela, badan-badan amal, dan orang perseorangan adalah terhad di dalam usaha mereka untuk membantu setiap individu yang menghadapi masalah dadah. Ini tidak pula bermakna kerajaan lari dari tanggungjawabnya, tetapi ibubapa mestilah menjadi barisan pertahanan awal. Apatah lagi ibubapa bertanggungjawab di dalam menentukan kejayaan dan kegagalan keluarga. Mereka tidak boleh lepas tangan dan tidak boleh pula mengeneppikan tanggungjawab ini. Berat mana mata memandang berat lagi bahu memikul.

Tuan-tuan dan puan-puan,

18. Satu aspek gejala penagihan yang membimbangkan kita ialah "gangguan dadah" di tempat-tempat kerja. Dari perangkaan rasmi yang direkodkan, kedapatan sejumlah 87.35% daripada kes-kes penagihan dadah adalah terdiri mereka yang mempunyai pekerjaan. Ini bererti bahawa sektor pekerjaan telah kehilangan tenaga pekerja secara sia-sia sahaja. Pembaziran dan kemusnahan tenaga pekerja ini juga membawa akibat buruk kepada kesejahteraan dan kestabilan hidup berkeluarga. Kehilangan pekerjaan bererti kehilangan tunjangan ekonomi rumahtangga.

19. Ketika kerajaan sedang berusaha memulihkan kegawatan ekonomi, tentu sekali perkara pembaziran dan kerugian tenaga-tenaga pekerja akibat dadah ini mestilah diatasi dengan cara tegas.

20. Majlis dadah kebangsaan telah mengambil keputusan bahawa di setiap tempat kerja, sama ada di sektor awam atau sektor swasta hendaklah diwujudkan jawatankuasa atau panel pencegahan dadah. Jawatankuasa atau panel tersebut hendaklah merupakan bahagian yang berkedudukan tetap dalam aliran pengurusan sesuatu tempat kerja.

21. Dengan berfungsi secara berterusan, kita percaya panel-panel tersebut dapat memberikan perhatian dan tindakan yang membina dan saksama kepada pekerja-pekerja yang bermasalah dengan dadah. Arahan dan gesaan untuk membentuk panel-panel pencegahan di tempat-tempat kerja akan diselaraskan oleh agensi dadah kebangsaan seberapa segera mungkin dalam tahun 1999 ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

22. Apa yang jelas terbukti ialah, ancaman dadah ketara sekali melanda golongan belia dan remaja kita. Inilah golongan yang amat berharga bagi pembinaan negara dan juga yang amat bermakna bagi kehidupan sesebuah keluarga.

23. Satu program pencegahan ataupun lebih khusus lagi disebutkan sebagai "program pendidikan pencegahan" sewajarnya dirancang dan dilaksanakan secara formal dan berterusan di dalam sistem persekolahan kita, sebagai satu usaha yang nyata untuk melindungi golongan remaja dan masyarakat pelajar dari bencana dadah.

24. Pada masa kini, agensi dadah kebangsaan dengan kerjasama kementerian pendidikan adalah aktif menggerakkan satu jawatankuasa pemandu ke arah ini. Oleh itu saya ingin mengambil kesempatan di sini menyeru keseluruhan kaum guru dan juga persatuan ibubapa di setiap sekolah, agar bergerak sama menjayakan program pendidikan pencegahan dan dengan demikian berusaha untuk mencapai matlamat "sekolah bebas dari dadah".

Tuan-tuan dan puan-puan,

25. Usaha memerangi dadah, memerlukan adanya "national will-power" atau lebih tegas lagi "political will- power" untuk menggerakkan segala program dan kerja-kerja pencegahan secara aktif, berkesan dan penuh sokongan.

26. Keperluan ini sememangnya sudah ada terbukti dan dilaksanakan oleh kerajaan kita. Dasar dan agenda memerangi dadah sudah nyata digubal oleh pihak kerajaan dan dari masa ke semasa diteliti semula dan dipertingkatkan untuk mencapai apa sahaja matlamat dan penyelesaiannya.

27. Namun keazaman pihak kerajaan ini akan hanya tercapai jika mendapat sokongan oleh semua pihak. Tidak guna kerajaan saja yang mengambil tindakan sedangkan rakyat hanya menjadi pemerhati. Yang malangnya apabila berlaku sesuatu kejadian akibat perbuatan penagih dadah, kerajaan akan dituduh tidak bertindak, sedangkan mereka sudah mengetahui kawasan itu dipenuhi penagih dadah. Oleh itu bantuan rakyat amat diperlukan.

28. Saya berharap perhimpunan agung pada pagi ini bukan hanya sebagai satu aktiviti rutin atau sebagai satu perhimpunan sosial tetapi sebagai satu platform di mana janji ditepati, usaha dipadu, kata di kota, komitmen ditingkatkan, idea dijadikan realiti, harapan dijadikan kebenaran dan cadangan dijadikan tindakan. Saya juga berharap disinilah juga tempat dan masanya kita melihat ke dalam dan bertanyakan diri, apakah pencapaian kita setakat ini. Apakah yang belum lagi tercapai dan terlaksana. Apakah yang boleh diteruskan dan apa pula yang perlu ditukar ganti. Kita perlu membuat penilaian sendiri ini kerana dengan cara ini dapatlah kita mengenal siapa kita dan ke mana arah kita. Dengan cara ini dapatlah kita mengenal asas- asas padat yang ada bagi melangkah ke hadapan demi menikmati kejayaan di dalam memerangi wabak dadah, demi kesejahteraan agama, bangsa dan negara.

29. Dengan harapan sedemikian terhadap masa depan pepadam, saya dengan sukacitanya dan dengan lafaz bismillah- hirrahmannirrahim merasmikan Persidangan Perhimpunan Agung Tahunan Pepadam Kebangsaan ke-24.

Terima kasih.